

Majlis Amanat YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) Bersama Warga Kluster Kehakiman dan Perundangan

Majlis Amanat YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) Bersama Warga Kluster Kehakiman dan Perundangan berlangsung pada 30 Jun 2020 bertempat di Dewan Saksama, Aras 2, BHEUU. Amanat disampaikan oleh YB Dato' Takiyuddin bin Hassan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang).

Majlis turut dihadiri oleh YB Dato' Eddin Syazlee bin Shith, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Ketua-Ketua Pengarah Jabatan/Agensi di bawah Kluster Kehakiman dan Perundangan serta warga kerja melibatkan kira-kira 150 orang.



Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri Bilangan 1 Tahun 2020

Pada hari ini, 1 Julai 2020 (Rabu), Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri Bilangan 1 Tahun 2020 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Perdana, Aras 10, BHEUU. Mesyuarat di pengerusikan oleh YBrs. Puan Roziah binti Abudin, Ketua Pengarah BHEUU yang juga turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Anita binti Harun, Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi). Mesyuarat dilaksanakan secara pertemuan fizikal melibatkan kehadiran pegawai-pegawai di kawasan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor manakala kehadiran secara *video conferencing* melibatkan pihak pekerja di luar Lembah Klang dan mereka yang Bekerja Dari Rumah (BDR).



Clock In YB Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya, Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen Dan Undang-undang)

Clock in YB Datuk Haji Shabudin bin Yahaya, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) menggantikan YB Dato' Eddin Syazlee bin Shith yang mengambil portfolio Timbalan Menteri Kerja Raya berkuatkuasa 6 Julai 2020. YB Timbalan Menteri turut diberi taklimat ringkas di pejabat beliau seurus *clock in* selesai di Lobi BHEUU.



Bicara Integriti "Tolak Rasuah Kekal Bermaruah"

Bicara Integriti "Tolak Rasuah Kekal Bermaruah" telah berlangsung pada 8 Julai 2020 (Rabu) bertempat di Dewan Saksama, Aras 2, BHEUU. Program ini dihadiri kira-kira 30 orang peserta terdiri daripada warga kerja BHEUU. Ceramah disampaikan oleh YBrs. PKPs Hossen Abdul Rahim dari Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).



Lawatan Kerja YB Datuk Haji Shabudin bin Yahaya, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) ke Kompleks Mahkamah Tinggi Pulau Pinang dan Tapak Tanah Mahkamah di Bertam, Pulau Pinang

YB Datuk Haji Shabudin bin Yahaya, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) telah mengadakan Lawatan Kerja ke Kompleks Mahkamah Tinggi Pulau Pinang dan tapak cadangan mahkamah di Bertam, Pulau Pinang pada 18 Julai 2020 (Sabtu). Turut hadir sama dalam lawatan ini ialah YBhg. Dato' Mohd Sallehhuddin bin Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri (JPM), YBr. Puan Roziah binti Abudin, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) dan YBr. Tuan Ahmad Terrirudin Mohd Salleh, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP).

Dalam lawatan ini, YB Timbalan Menteri meninjau kemajuan Projek Menaiktaraf dan Pemuliharaan Bangunan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang yang dimulakan secara berfasa mulai tahun ini dan dijangka siap dalam tempoh dua hingga tiga tahun. YB Timbalan Menteri juga turut meninjau sebidang tanah berkeluasan 2.4 ekar di Mukim 6 Bertam, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang untuk cadangan pembinaan mahkamah baharu.



Lawatan Kerja YB Dato' Takiyuddin Haji Hassan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) Ke Projek Pembinaan Mahkamah Baharu Ampang, Selangor

YB Dato' Takiyuddin Haji Hassan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) pada hari ini, 22 Julai 2020 (Rabu) telah mengadakan lawatan kerja bagi meninjau kemajuan Projek Pembinaan Mahkamah Baharu Ampang, Selangor. YB Menteri telah mendengar taklimat mengenai kemajuan projek yang disampaikan oleh Encik Ir. Mohd Shahril Mohd. Said, Jurutera Daerah Hulu Langat.

Projek pembinaan Mahkamah Baharu Ampang ini melibatkan pembinaan satu blok bangunan empat tingkat yang terdiri daripada empat Mahkamah Sesyen dan enam Mahkamah Majistret di tanah berkeluasan 2.56 ekar. Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) telah melantik Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku agensi pelaksana bagi projek ini yang telah bermula pada 14 Mac 2017 dan dijadualkan siap pada April 2021.

Ketika ini, Mahkamah Ampang beroperasi di Bangunan Aras 1, Menara Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Jalan Pandan Utama, Ampang. Mahkamah Ampang hanya mendengar kes-kes jenayah manakala kes-kes sivil di dengar di Mahkamah Sesyen dan Majistret Bangi. Turut hadir dalam lawatan ini ialah YBrs. Puan Roziah Abudin, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) dan YBrs. Tuan Ahmad Terrirudin Mohd. Salleh, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP).



Taklimat Kepada Ahli Parlimen Malaysia Mengenai Rang Undang-Undang (RUU) Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020

Satu taklimat kepada Ahli Parlimen Malaysia mengenai Rang Undang-Undang (RUU) Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 telah diadakan pada 13 Ogos 2020 (Khamis) bertempat di Parlimen Malaysia.



Bengkel Pembangunan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) BHEUU

Bengkel Pembangunan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) BHEUU telah diadakan selama empat hari mulai 11 Ogos hingga 14 Ogos 2020 bertempat di Hotel Marriott Putrajaya. Antara lain objektif bengkel ini ialah untuk membangunkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) sebagai langkah menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan anti rasuah dalam organisasi. Bengkel ini juga sebagai platform dalam memastikan pembangunan organisasi yang lestari dan bebas rasuah dengan mengambil kira situasi kini dan masa hadapan. Bengkel diurusetiaikan oleh Unit Integriti, BHEUU manakala tenaga penceramah daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).



Pertandingan Semarak Kemerdekaan Dan Hari Malaysia

Pada 26 Ogos 2020 (Rabu), Pusat Sumber BHEUU telah mengadakan program Pertandingan Semarak Kemerdekaan dan Hari Malaysia bertempat di Dewan Saksama, Aras 2, BHEUU. Pertandingan terbuka kepada semua warga BHEUU, JBG dan Mdl melibatkan empat aktiviti iaitu Kuiz Kemerdekaan dan Hari Malaysia yang dilaksanakan secara atas talian (*online*), Deklamasi Sajak, Anyaman Tikar Merdeka dan Hari Malaysia serta Pertandingan Menghias Kek Kemerdekaan dan Hari Malaysia. Program turut disertai oleh YBhg. Datuk Roziah Abudin, Ketua Pengarah BHEUU dan YBhg. Dato' Anita Harun.



PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN PANGLIMA SETIA DIRAJA (P.S.D.)

Setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada YBhg. Datuk Roziah binti Abudin di atas pengurniaan DARJAH KEBESARAN PANGLIMA SETIA DIRAJA (P.S.D.) pada 17 Ogos 2020.

Setulus Ikhlas :

SELURUH WARGA BHEUU

TAHNNIAH

kepada

YBHG. DATUK ROZIAH BINTI ABUDIN

Di atas pengurniaan

DARJAH KEBESARAN PANGLIMA SETIA DIRAJA (P.S.D.)

Pada 17 Ogos 2020

Setulus ikhlas daripada :
Seluruh warga BHEUU



BAHAGIAN HAL EHVAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI



Program Pelepasan Konvoi Skuad MyLaw dan Kibar Jalur Gemilang

Program Pelepasan Konvoi Skuad MyLaw dan Kibar Jalur Gemilang telah berlangsung pada 28 Ogos 2020 (Jumaat) lalu bertempat di perkarangan lobi BHEUU. YB Dato' Takiyuddin Haji Hassan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) telah menyempurnakan pelepasan konvoi 13 buah kenderaan dan penyerahan bendera Jalur Gemilang melibatkan tujuh Jabatan/Agensi di bawah Kluster Kehakiman dan Perundangan iaitu Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Parlimen Malaysia, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP), Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl), Jabatan Bantuan Guaman (JBG), Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) serta Bahagian Perlindungan (BP). Turut hadir ialah YB Dato' Shabudin Yahaya, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) serta Ketua-Ketua Pengarah Jabatan/Agensi terlibat. Program ini antara lain bertujuan menyemarakkan semangat kemerdekaan di kalangan warga kerja serta menggalakkan mengibar Jalur Gemilang sebagai lambang menghormati dan menyayangi negara.





Sekian, terima kasih

Diterbitkan oleh :

Unit Komunikasi Korporat

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri

Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang

Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62692

PUTRAJAYA

Tel : 03-88851000

Faks : 03-88851062

Emel : bheuu.korporat@bheuu.gov.my



[bheuuipm](https://www.facebook.com/bheuuipm)



[bheuuipm](https://twitter.com/bheuuipm)



[bheuuipm](https://www.instagram.com/bheuuipm)



www.bheuu.gov.my